

SULIT



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I
SESI 2012/2013**

- NAMA KURSUS** : **PENGAJIAN ISLAM**
- KOD KURSUS** : **UMA1182/UWA10102**
- PROGRAM** : **1 BDC/BDD/BDM/BEB/
BEC/BED/BEF/BEH/BEU/
BFF/BIM/BIP/BIS/BIW/
BND/BNH/BNK/BNL/BPA/BPB/
BPC/BPD/BWA/BWC/BWD/BWQ
2 BDC/BDD/BED/BPB/BPC/BPD
3 BPB**
- TARIKH PEPERIKSAAN** : **DISEMBER2012/JANUARI 2013**
- JANGKA MASA** : **2 JAM**
- ARAHAN** : **A) JAWAB SEMUA SOALAN
DALAM BORANG OMR
YANG DISEDIAKAN**
- B) DILARANG MEMBAWA
KERTAS SOALAN INI KELUAR
DARI DEWAN PEPERIKSAAN**

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI TUJUH BELAS (17) MUKA SURAT

SULIT

- S1** Istilah *salam* dalam Bahasa Melayu merujuk kepada
- A ketauhidan
 - B keagungan
 - C keharmonian
 - D kesejahteraan
- S2** Pengertian Islam menurut istilah adalah
- A menyerah diri sepenuhnya kepada Allah S.W.T. dengan mentauhidkanNya secara menyeluruh dan beriman kepada ajaranNya yang dibawa oleh Nabi Muhammad S.A.W.
 - B menyerah diri kepada Allah S.W.T. dengan taat, tunduk dan patuh, keikhlasan dalam diri secara menyeluruh serta percaya kepada ajaranNya yang dibawa oleh Nabi Muhammad S.A.W.
 - C menyerah diri kepada Allah S.W.T. dengan mempercayai rukun Iman melalui keikhlasan dalam diri secara menyeluruh serta beriman kepada ajaranNya yang dibawa oleh Nabi Muhammad S.A.W.
 - D menyerah diri kepada Allah S.W.T. dengan mengamalkan rukun Islam sepenuhnya, tunduk dan patuh, keikhlasan yang lahir dalam diri secara menyeluruh terhadap ajaran yang dibawa oleh Nabi Muhammad S.A.W.
- S3** Apakah maksud menjadikan Islam sebagai ad-Deen?
- A Mematuhi dan mengamalkan segala perintah Allah S.W.T. termasuk suruhan dan larangan
 - B Mendalami dan memahami bahawa peraturan yang ditetapkan Allah S.W.T. hanya bersesuaian dengan manusia
 - C Mempelajari, menerima dan mengamalkan secara total segala perintah suruhan Allah S.W.T. dalam kehidupan
 - D Menjadikan Islam sebagai sebahagian undang-undang dan peraturan Allah S.W.T. dalam semua urusan kehidupan
- S4** Berikut adalah antara ciri-ciri kesempurnaan Islam **kecuali**
- A ciptaan Allah S.W.T.
 - B lengkap dan menyeluruh
 - C berasaskan wahyu Allah S.W.T.
 - D diasaskan oleh Nabi Muhammad S.A.W.

Soalan 5 dan 6 merujuk kepada ayat al-Quran dalam pernyataan 1

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَذْخُلُوا فِي السَّلَامِ كَآفَّةً وَلَا تَتَّبِعُوا
 خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ ﴿٢٠٨﴾

(al-Baqarah: 208)

Pernyataan 1

- S5 Apakah maksud ayat al-Quran dalam pernyataan 1 di atas?
- A Wahai orang-orang yang beriman, hari ini Aku telah sempurnakan Islam sebagai agama kamu
 - B Wahai orang-orang yang beriman, sesungguhnya agama di sisi Allah S.W.T. adalah Islam
 - C Wahai orang-orang yang beriman, masuklah kamu ke dalam agama Islam (dengan mematuhi) seluruh hukum-hakamnya
 - D Wahai orang-orang yang beriman, barangsiapa yang memilih agama selain Islam, Allah S.W.T. tidak sekali-kali menerimanya
- S6 Manakah antara berikut merupakan ciri seorang muslim yang mempunyai hubungan dengan ayat al-Quran dalam pernyataan 1 di atas?
- A Menolak secara mutlak agama lain selain daripada agama Islam
 - B Mengamalkan peraturan Islam secara total dalam semua urusan kehidupan
 - C Mengakui bahawa peraturan yang ditentukan bersesuaian dengan fitrah manusia
 - D Kepercayaan hanya kepada Allah S.W.T. dan kerasulan Nabi Muhammad S.A.W.
- S7 Manakah pernyataan berikut yang menjelaskan bahawa agama Islam bersifat *syumul*?
- I Ajarannya meliputi urusan dunia dan akhirat
 - II Mempunyai undang-undang dan peraturan yang lengkap
 - III Bersesuaian diamalkan oleh seluruh umat manusia di seluruh dunia
 - IV Merangkumi seluruh kehidupan manusia sama ada jasmani dan rohani
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C II, III dan IV
 - D Semua di atas

- S8** Apakah yang dimaksudkan dengan ijmak?
- A Persetujuan para mujtahid untuk menentukan suatu hukum syarak
 - B Kesepakatan seluruh mujtahid untuk menentukan suatu hukum syarak
 - C Persetujuan para mujtahid untuk menentukan sesuatu hukum yang disepakati selepas kewafatan Nabi Muhammad S.A.W.
 - D Kesepakatan seluruh mujtahid selepas kewafatan Nabi Muhammad S.A.W. pada suatu zaman terhadap sesuatu hukum syarak
- S9** Manakah berikut adalah jenis-jenis ijmak?
- A Ijmak *sorih* dan ijmak *aula*
 - B Ijmak *sukuti* dan ijmak *jaliy*
 - C Ijmak *sorih* dan ijmak *sukuti*
 - D Ijmak *sukuti* dan ijmak *musawi*
- S10** Ikatan yang tersimpul kukuh dan teguh dalam jiwa sehingga tidak mungkin akan terurai dalam apa jua keadaan adalah merujuk kepada pengertian
- A siasah
 - B akhlak
 - C akidah
 - D syariah
- S11** Apakah ilmu yang berhubungkait dengan dasar dan pendekatan yang diambil dalam menyusun struktur pentadbiran negara dan urusan rakyat?
- A *Qanun al-Syariah*
 - B *Maqasid al-Syariah*
 - C *Tarbiah al-Islamiah*
 - D *Iqtisadiyah al-Islamiah*
- S12** Apakah sumber hukum yang memutuskan sesuatu berasaskan kepada prinsip kebaikan umum ke atas suatu perkara yang tidak terdapat dalam al-Quran dan al-Hadis secara jelas?
- A *Istihsan*
 - B *Istishab*
 - C *Sad al-Zaraie*
 - D *Masalih al-Mursalah*

- S13** Generasi terawal umat Islam tidak memerlukan ilmu khusus bagi memahami ayat-ayat al-Quran kerana
- I Rasulullah S.A.W. dijadikan sebagai rujukan utama
 - II Rasulullah S.A.W. tidak memberi peluang kepada sahabat untuk berjihad
 - III umat Islam belum terdedah kepada situasi dan keadaan yang memerlukan ilmu khusus dalam menyelesaikan permasalahan umat
 - IV generasi awal umat Islam sangat faham dengan al-Quran sehingga tidak memerlukan ilmu-ilmu sokongan untuk memahami kehendak wahyu
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D Semua di atas
- S14** Siapakah yang menjadi pelopor kepada ilmu-ilmu al-Quran (ulum al-Quran) dalam kalangan sahabat pada abad pertama hijrah?
- A Ibnu Mas'ud
 - B Malik bin Anas
 - C Umar bin Abdul Aziz
 - D Hammam bin Munabbih
- S15** Apakah penekanan utama dalam pengajaran al-Quran?
- A Sifat semulajadi manusia
 - B Konsep ketauhidan Allah S.W.T.
 - C Kepentingan memperakui kewujudan Allah S.W.T.
 - D Akhlak dan tanggungjawab manusia sebagai khalifah Allah S.W.T.
- S16** Apakah nama ilmu yang membincangkan tentang pelbagai jenis keindahan makna dan perumpamaan dalam ayat-ayat al-Quran?
- A *Badi' al-Quran*
 - B *Aqsam al-Quran*
 - C *Hujajil al-Quran*
 - D *Gharib al-Quran*
- S17** Siapakah yang ditugaskan untuk mengumpulkan al-Quran ke dalam satu mashaf?
- A Zaid bin Thabit
 - B Khalifah Abu Bakar
 - C Abdullah bin Zubair
 - D Abu Aswad al-Duwali

- S18** Mengapakah penulisan al-Hadis dilarang pada zaman Nabi Muhammad S.A.W.?
- I Mendapat larangan daripada baginda sendiri
 - II Para sahabat masih mementingkan al-Quran daripada al-Hadis
 - III Kebimbangan akan berlaku percampuran antara al-Quran dan al-Hadis
 - IV Para sahabat mempunyai daya ingatan dalam mengingat hadis-hadis nabi
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C II, III dan IV
 - D Semua di atas
- S19** Berikut adalah fungsi al-Hadis **kecuali**
- A penghurai dan pentafsir bagi ayat-ayat al-Quran yang umum
 - B penerang kepada sesuatu hukum yang tidak dinyatakan dalam al-Quran
 - C penguat dan penyokong kepada hukum-hukum yang terdapat dalam al-Quran
 - D penjelas kepada sebab-sebab pemansuhan ayat al-Quran yang akan dimansuhkan
- S20** Apakah koleksi al-Hadis yang ditulis pada pertengahan kurun pertama hijrah (sebelum tahun 50H) yang lebih dikenali sebagai *Sahifah Hammam*?
- A Sahifah Madinah
 - B Sahifah Abu Nu'man
 - C Sahifah Abu Hurairah
 - D Sahifah Rasulullah S.A.W.
- S21** Antara berikut yang manakah termasuk dalam tokoh hadis *Kutub al-Sittah*?
- A Imam al-Bukhari, Imam Muslim, Imam Malik, Imam Syafi'i
 - B Imam al-Bukhari, Imam Muslim, Imam Malik, Imam Hanafi
 - C Imam al-Bukhari, Imam Muslim, Imam Malik, Imam Ahmad
 - D Imam al-Bukhari, Imam Muslim, Imam Malik, Imam Tirmizi
- S22** *Ilm al-Jarh Wa al-Ta'dil* dalam pengkajian ilmu-ilmu al-Hadis (ulum al-Hadis) adalah merujuk kepada ilmu
- A berkaitan dengan sanad
 - B yang membincangkan berkaitan dengan perawi
 - C bagi memudahkan seseorang memahami ilmu hadis
 - D yang membincangkan sebab-sebab yang boleh mencacatkan kesahihan sesuatu hadis

S23 Nyatakan bentuk-bentuk penerimaan hadis.

- I *Al-Sama'*
- II *Al-Ijazah*
- III *Al-Talaqqi*
- IV *Al-Munawalah*

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C II, III dan IV
- D Semua di atas

S24 Apakah nama lain bagi Ahli Sunnah Wal Jamaah?

- A Ahlu Sunnah, al-Jamaah, al-Salaf al-Soleh dan Ahlul Hadis
- B Ahlu Sunnah, al-Jamaah, al-Salaf al-Solehah dan Ahlul Kitab
- C Ahlu Sunnah, al-Jamaah al-Sharif, al-Salaf al-Soleh dan Ahlul Hadis
- D Ahlu Sunnah, al-Jamaah, al-Salaf al-Solehin dan Ahlu Kitab wal Hadis

S25 Siapakah tokoh-tokoh yang mempelopori Ahli Sunnah Wal Jamaah?

- A Abu Hasan Al-Asy'ari dan Abu A'la Al-Maududi
- B Abu Hasan Al-Basri dan Abu Mansur Al-Maturidi
- C Abu Hasan Al-Asy'ari dan Abu Mansur Al-Maturidi
- D Abu Hasan Al-Maturidi dan Abu Mansur Al-Maturidi

S26 Mengapakah gelaran Ahli Sunnah Wal Jamaah tidak digunakan pada zaman sahabat?

- A Gelaran sahabat lebih mulia dan tinggi kedudukannya
- B Para sahabat tidak tergolong dalam Ahli Sunnah Wal Jamaah
- C Ahli Sunnah Wal Jamaah belum wujud di zaman para sahabat
- D Para sahabat tidak sesuai menggunakan gelaran Ahli Sunnah Wal Jamaah

S27 Berikut adalah ciri-ciri *manhaj* Ahli Sunnah Wal Jamaah **kecuali**

- A mendahulukan akal dari nas syarak
- B melakukan *amar ma'ruf* dan *nahi munkar*
- C berusaha menyekat perkara yang membawa kepada bidaah
- D kata-kata, pendapat dan tafsiran sahabat dikira sebagai hujah

- S28** Apakah persamaan antara golongan Salaf dan Khalaf?
- A Sentiasa wujud sepanjang zaman
 - B Diasaskan oleh pengasas yang sama
 - C Keduanya menjadikan akal sebagai panduan utama
 - D Menjadikan al-Quran dan al-Hadis sebagai panduan utama
- S29** Berikut antara sebab istilah Ahli Sunnah Wal Jamaah digunakan secara meluas **kecuali**
- A membezakan kelompok umat Islam yang mengamalkan Islam dengan golongan bidaah yang sesat
 - B membezakan kelompok umat Islam dengan beberapa mazhab atau aliran akidah yang bercanggah dengan Islam
 - C membezakan kelompok umat Islam dari golongan Muktazilah yang mendahulukan akal dari dalil al-Quran dan al-Hadis
 - D membezakan kelompok umat Islam dari golongan orang bukan Islam yang mengemukakan hujah menolak Allah S.W.T. sebagai tuhan
- S30** Nyatakan prinsip-prinsip Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah?
- I Berpegang kepada prinsip al-Salaf al-Soleh
 - II Berpegang teguh kepada al-Quran dan al-Hadis
 - III Mereka tidak mencela dan mengkafirkan orang yang tidak sealiran dengan mereka
 - IV Apabila terdapat sebarang perselisihan pandangan, mereka akan merujuk kepada al-Quran dan al-Hadis
- A I, II dan III
 - B I, III dan IV
 - C II, III dan IV
 - D Semua di atas
- S31** Siapakah pemerintah yang menukarkan dasar pemerintahan daripada fahaman Muktazilah kepada Ahli Sunnah Wal Jamaah sebagai pegangan rasmi negara?
- A Al-Makmun
 - B Al-Muktasim
 - C Al-Muawiyah
 - D Al-Mutawakkil

- S32** Apakah punca pertelingkahan antara Wasil bin Ata' dengan gurunya Hassan al-Basri yang menyebabkan lahirnya golongan Muktazilah?
- A Perjawatan dalam khilafah Islam
 - B Kedudukan orang melakukan dosa
 - C Melakukan syirik kepada Allah S.W.T.
 - D Kepercayaan terhadap Nabi Muhammad S.A.W. sebagai nabi
- S33** Siapakah golongan pertama terkeluar dari akidah Ahli Sunnah Wal Jamah disebabkan pertelingkahan politik?
- A Syiah
 - B Murji'ah
 - C Khawarij
 - D Muktazilah
- S34** Berikut adalah pandangan Syiah terhadap Saidina Ali **kecuali**
- A dianggap sebagai Tuhan kepada pengikut-pengikutnya
 - B berperanan menimbulkan masalah dalam kalangan khalifah
 - C lebih berhak menjadi nabi daripada Nabi Muhammad S.A.W.
 - D berhak menjadi khalifah sebagai pengganti Nabi Muhammad S.A.W.
- S35** Siapakah golongan yang dikenali sebagai Muktazilah?
- A Berfahaman Yahudi
 - B Berfahaman Liberal
 - C Mendahulukan logik akal
 - D Menafikan takdir Allah S.W.T.
- S36** Tokoh mujtahid feqah terulung yang lahir dari kalangan *Fuqaha al-Hadis* ialah
- A Malik bin Anas
 - B Said ibn Musayib
 - C Urwah Ibn Zubair
 - D Abu Bakar al-Siddiq
- S37** Mujtahid feqah terulung yang cenderung kepada aliran *Fuqaha al-Ra'y* ialah
- A Ahmad bin Hanbal
 - B Nu'man bin Thabit
 - C Abdullah ibn Mas'ud
 - D Aswad ibn Yazid al-Nakhaie

- S38** Apakah faktor utama wujudnya aliran pemikiran Jabariyah yang dipelopori oleh al-Ja'd Ibn Dirham dan Jahm Ibn Safwan pada abad ke-2?
- A Golongan Qadariyah sudah lenyap
 - B Golongan Qadariyah beransur hilang pengaruh
 - C Golongan Jabariyah lebih baik daripada golongan Qadariyah
 - D Golongan Jabariyah lahir atas kemunculan golongan Qadariyah
- S39** Berikut adalah antara ciri-ciri ajaran sesat **kecuali**
- A guru mesti merahsiakan ajarannya
 - B guru boleh menebus dosa dengan wang
 - C guru sebagai wali dan mempunyai keramat tertentu
 - D guru adalah pengikut ajaran Nabi Muhammad S.A.W.
- S40** Apakah faktor utama perkembangan ajaran sesat di Malaysia?
- A Umat Islam menjauhi para ulama
 - B Umat Islam terlalu berpandangan jauh
 - C Umat Islam terlalu ingin menjadi pemimpin
 - D Umat Islam menjauhi al-Quran dan al-Sunnah
- S41** Berikut adalah kepercayaan tradisi yang berhubung dengan amalan mistik dan pemujaan **kecuali**
- A mempercayai wujudnya kuasa-kuasa kesaktian
 - B melakukan wirid dan zikir secara berkumpulan
 - C mempercayai tempat-tempat yang dianggap keramat
 - D melakukan pemujaan terhadap orang-orang yang dianggap wali
- S42** Apakah asas muamalat dalam Islam?
- A Peraturan yang menghubungkan manusia dengan harta
 - B Tatacara perhubungan antara manusia dengan Allah S.W.T.
 - C Tatacara bagi memenuhi keperluan manusia di atas persetujuan bersama
 - D Peraturan bagi memenuhi keperluan manusia berlandaskan syariat Allah S.W.T.
- S43** Muamalat ialah tatacara atau peraturan dalam perhubungan manusia untuk memenuhi keperluan masing-masing yang berlandaskan syariat Allah S.W.T. melibatkan bidang _____ dan _____ Islam.
- A ekonomi, sosial
 - B ekonomi, pentadbiran
 - C sosial, pentadbiran korporat
 - D politik, pengurusan kewangan

- S44** Prinsip muamalat Islam mestilah berasaskan kepada perkara berikut.
- I Keimanan dan ketakwaan kepada Allah S.W.T.
 - II Bertujuan untuk mengaut keuntungan semata-mata
 - III Sentiasa menerapkan sifat-sifat mulia dalam mencari harta kekayaan
 - IV Harta yang diperolehi boleh digunakan untuk perkara yang halal dan haram
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV
- S45** Apakah pengertian *wadi'ah* dari sudut istilah?
- A Memberikan kuasa kepada orang lain untuk menjaga harta
 - B Meletakkan sesuatu harta kepada orang lain dengan tujuan perniagaan
 - C Membuat penebusan hasil keuntungan daripada sesuatu transaksi jualbeli
 - D Memberikan hak penjagaan harta kepada orang lain untuk mendapat keuntungan
- S46** Berikut adalah prinsip syariah dalam sistem muamalat Islam **kecuali**
- I *riba*
 - II *gharar*
 - III *syubhah*
 - IV penipuan
- A I, II dan III
 - B I, III dan IV
 - C II, III dan IV
 - D Semua di atas
- S47** Apakah yang dimaksudkan dengan *Bai' al-Salam*?
- A Perkongsian di antara untung dan rugi dalam perniagaan
 - B Perjanjian di antara pihak yang diupah dengan pihak yang mengupah
 - C Penambahan untung yang telah dipersetujui antara pembeli dengan penjual
 - D Penangguhan penyerahan barang kepada pembeli mengikut syarat yang tertentu

Soalan 48 hingga 51 adalah berdasarkan kepada Jadual 1 di bawah.

Jadual 1

A	<i>Ijarah</i>
B	<i>Wakalah</i>
C	<i>Al-Qard</i>
D	<i>Mudharabah</i>

- S48** Encik Muhammad dan Encik Ahmad telah bersetuju membuat akad perkongsian bersama bagi mengusahakan sebuah syarikat perniagaan di mana keuntungan dan kerugian akan ditanggung bersama.
- S49** Puan Halimah telah menyewa sebuah premis perniagaan bagi menjual pakaian terpakai.
- S50** Encik Ali dan Encik Rahmat telah bersetuju melantik seorang peguam dalam satu kes penipuan yang melibatkan syarikat mereka.
- S51** Encik Jamil telah membuat pinjaman dengan sebuah institusi pinjaman bagi menampung yuran pengajiannya di universiti.
- S52** Antara faktor takaful diharuskan dalam Islam adalah
- I tidak berorientasikan kepada kontrak jualbeli
 - II tidak bertujuan mengaut keuntungan semata-mata
 - III berbentuk perniagaan yang berorientasikan keuntungan sahaja
 - IV berbentuk sumbangan kepada individu yang menerima musibah
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D Semua di atas
- S53** Matlamat pelaksanaan Undang-undang Jenayah Islam adalah seperti berikut **kecuali**
- A pemulihan
 - B persamaan
 - C pencegahan
 - D pembalasan

- S54** Undang-undang Jenayah Islam terbahagi kepada tiga bahagian iaitu
- A Hudud, Qisas dan Ta'sir
 - B Hudud, Qazaf dan Ta'sir
 - C Hudud, Qisas dan Ta'zir
 - D Hudud, Qazaf dan Ta'zir
- S55** Berikut adalah cara pensabitan bagi penzina *ghairu muhsan* kecuali
- A sumpah tertuduh
 - B *qarinah* atau bukti
 - C pengakuan tertuduh
 - D keterangan dua orang saksi
- S56** Apakah hukuman bagi penzina *muhsan*?
- A Balas bunuh
 - B Buang daerah
 - C Rotan seratus kali
 - D Rejam sampai mati
- S57** Apakah syarat yang mengugurkan seseorang peminum arak daripada dikenakan hukuman hudud?
- A Tahu haram
 - B Tidak darurat
 - C Bukan dipaksa
 - D Tiada kesamaran
- S58** Pembahagian kesalahan Ta'zir adalah seperti berikut **kecuali**
- A melakukan kesalahan kecil
 - B melakukan perbuatan jenayah
 - C melakukan perbuatan maksiat
 - D merosakkan kepentingan awam
- S59** Berikut adalah hukuman bagi kesalahan merompak.
- A Rotan
 - B Rejam
 - C Balas bunuh dan disula
 - D Balas bunuh dan disalib

- S60** Apakah hukuman bagi penjenayah bukan Islam di bawah Undang-undang Jenayah Islam?
- A Qisas
 - B Diyat
 - C Ta'zir
 - D Hudud
- S61** Berikut merupakan pengertian yang menerangkan maksud etika kecualli
- A ilmu yang dapat mengatur pergaulan sesama manusia
 - B ilmu yang dapat menjelaskan sesuatu perkara yang baik dan buruk
 - C ilmu mengenai matlamat terakhir dari seluruh usaha yang dilakukan oleh manusia
 - D ilmu mengenai keupayaan diri untuk melaksanakan semua amanah yang dipertanggungjawabkan
- S62** Apakah yang dimaksudkan dengan bekerja penuh kesungguhan untuk mengabdikan diri kepada Allah S.W.T.?
- A Bekerja dengan penuh keyakinan dan istiqamah
 - B Bekerja bersungguh-sungguh walaupun tidak mendapat pujian
 - C Bekerja bersungguh-sungguh dengan mengikut segala suruhan Allah S.W.T.
 - D Bekerja dengan penuh keazaman untuk menyumbangkan idea kepada masyarakat
- S63** Apakah yang dimaksudkan etika individu dari perspektif Islam?
- A Himpunan nilai pada setiap diri individu Muslim yang membezakan antara yang benar dan salah, baik dan buruk
 - B Menggariskan apa yang boleh dibuat atau tidak boleh dibuat oleh individu Muslim dalam profesyen yang diceburinya
 - C Kualiti yang berkaitan dengan sifat jujur individu Muslim yang sentiasa berpegang pada kebenaran berpandukan al-Quran dan al-Sunnah
 - D Garis panduan bagi individu Muslim untuk menjalankan tugas secara benar dan salah, baik dan buruk, patut dan boleh dilakukan berpandukan al-Quran dan al-Sunnah
- S64** Kumpulan Kawalan Mutu atau *Quality Control Circle* adalah etika kerja Islam yang berkaitan dengan
- A bekerja secara tekun dan cekap kerana Allah S.W.T.
 - B mencapai matlamat kebahagiaan bagi manusia sejagat
 - C semangat gotong-royong dan berpadu fikiran kerana Allah S.W.T.
 - D mengelak daripada melakukan sebarang kesilapan sewaktu menjalankan tugas

- S65** Integriti organisasi boleh dimanifestasikan dalam bentuk
- A fail meja
 - B piagam pelanggan
 - C misi dan visi organisasi
 - D pengurusan kualiti organisasi
- S66** Apakah perkara yang mewajibkan seorang suami memberi nafkah?
- A Perkahwinan yang sah
 - B Memiliki harta yang berlebihan
 - C Isteri tidak mempunyai pendapatan
 - D Kedudukan keluarga yang memerlukan bantuan
- S67** Apakah yang dimaksudkan dengan *talaq bain*?
- A Talak yang boleh dirujuk kembali
 - B Talak yang tidak boleh dirujuk kembali
 - C Talak yang tidak akan dirujuk kembali tetapi bergantung kepada niat
 - D Talak yang boleh dirujuk kembali dengan persetujuan kedua-dua pasangan
- S68** Apakah yang dimaksudkan dengan harta sepencarian?
- A Harta yang dimiliki oleh isteri dalam tempoh perkahwinan
 - B Harta yang dimiliki oleh suami dalam tempoh perkahwinan
 - C Harta yang dimiliki oleh suami isteri dalam tempoh perkahwinan
 - D Harta yang dimiliki oleh suami isteri selepas tempoh perkahwinan
- S69** Apakah yang dimaksudkan dengan nusyuz?
- A Mengingkari perintah suami untuk mentaati
 - B Mengingkari perintah suami dengan tiada alasan syarak
 - C Mengingkari perintah suami yang bertentangan dengan hukum syarak
 - D Mengingkari perintah suami untuk memelihara keharmonian rumah tangga
- S70** Apakah hak yang gugur apabila berlaku perceraian ke atas isteri yang nusyuz?
- A Mutaah
 - B Hadanah
 - C Nafkah iddah
 - D Harta sepencarian

Soalan 71 hingga 74 adalah berdasarkan kepada Jadual 2 di bawah.

Jadual 2

A	Wajib
B	Sunat
C	Haram
D	Makruh

- S71 Seorang suami menjatuhkan talak kepada isterinya kerana enggan berpoligami.
- S72 Seorang suami menjatuhkan talak apabila tidak berkemampuan lagi untuk menanggung nafkah isterinya.
- S73 Seorang suami menjatuhkan talak ketika isterinya sedang haid.
- S74 Perselisihan antara suami isteri yang berpanjangan dan mahkamah berpendapat mereka perlu bercerai.
- S75 Berikut adalah langkah-langkah yang sesuai bagi mendidik isteri yang nusyuz **kecuali**
- A memulaukan tempat tidur
 - B memberi nasihat dan teguran
 - C menjatuhkan talak ke atas isteri
 - D memukul dengan tidak memudaratkan
- S76 Apakah pengertian fasakh?
- A Membatalkan perkahwinan melalui kuasa wali
 - B Membatalkan perkahwinan melalui kuasa sivil
 - C Membatalkan perkahwinan melalui kuasa bapa
 - D Membatalkan perkahwinan melalui kuasa hakim
- S77 Berikut adalah sebab-sebab yang mengharuskan isteri menuntut fasakh.
- I Suami yang sekufu
 - II Suami yang mati pucuk
 - III Suami menghilangkan diri
 - IV Suami yang berpenyakit berjangkit
- A I, II dan III
 - B I, III dan IV
 - C II, III dan IV
 - D Semua di atas

- S78** Apakah pengertian hadanah dari sudut syarak?
- A Mendidik dan memelihara anak setelah mumaiyiz
 - B Mendidik dan memelihara anak yang belum mumaiyiz
 - C Mendidik dan memelihara anak setelah mencapai umur baligh
 - D Mendidik dan memelihara anak apabila mencapai umur dewasa
- S79** Siapakah yang berhak mendapat hak hadanah bagi kanak-kanak yang belum mumaiyiz selepas ibunya berkahwin?
- A Ibu
 - B Bapa
 - C Ibu saudara
 - D Bapa saudara
- S80** Berikut adalah syarat-syarat untuk mendapat hak hadanah.
- I Berakal
 - II Amanah
 - III Beragama Islam
 - IV Tidak mempunyai anak
- A I, II dan III
 - B I, III dan IV
 - C II, III dan IV
 - D Semua di atas

-SOALAN TAMAT-